Starmetro. 25/2/22 (Friday)
pg: 4

# No leeway for traders who lease out licences to foreigners

THE Federal Territories Ministry will not compromise with any traders at the Selayang Day Market (PHS) and Kuala Lumpur Wholesale Market who lease out their business licences to foreign nationals.

Its deputy minister Datuk Seri Jalaluddin Alias said action would be taken immediately to terminate the licences and blacklist errant traders from applying for a new licence.

"I myself received reports on foreign nationals doing business again without a permit around Kuala Lumpur.

"I have asked the Enforcement Department of Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to look into this matter."

Jalaluddin was responding to a Bernama report on foreigners returning to trade illegally at PHS and Kuala Lumpur Wholesale Market although these places had already been raided a number of times by the authorities.

Meanwhile, DBKL said in a statement that it had frozen new licence applications for business premises around the northern area of the city to prevent foreign nationals from doing business there.

It said action was also being taken against business premises operated by foreign nationals while show-cause letters were issued to licence holders who hired foreigners without a valid permit as helpers or workers.

DBKL also announced that 4,636 compounds were issued to employers hiring foreign workers illegally including the 1,289 notices issued at the Kuala Lumpur Wholesale Market from January until December last year. — Bernama




TINJAUAN di Pasar Borong Kuala Lumpur mendapati ramai warga asing yang bekerja dan berniaga di luar pasar berkenaan. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

LAPORAN Harian Metro, semalam.

# 'Pasar antarabangsa'

## Warga asing banjiri kedai sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Rancak berniaga. Itu pemandangan yang boleh dilihat di bangunan kedai sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur yang kini menjadi syurga warga asing menjalankan perniagaan.

Biarpun ada antara mereka yang hanya mengambil upah sebagai pekerja namun jumlahnya yang begitu ramai cukup untuk menjadikan persekitaran kawasan berkenaan seolah-olah lokasi di luar negara.

Pemerhatian wartawan bersama jurugambar semalam mendapati kawasan pusat perniagaan di situ sibuk dengan aktiviti terutama pemborong buah-buahan, barangan mentah serta hasil laut dengan sebahagian besarnya diuruskan warga asing.

Ia mengundang rasa tidak senang pengunjung yang membeli keperluan harian di situ.

Pengunjung yang mahu dikenali sebagai Azril berkata, sebagai peniaga kecil, dia mendapatkan bekalan bahan mentah di sekitar pusat perniagaan itu.

Katanya, kawasan itu memang dipenuhi warga asing sejak beberapa tahun lalu dan hanya lengang sekejap sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir dua tahun lalu.

"Saya difahamkan mereka ini ada yang diberi peluang untuk mengurus kedai di situ kerana sudah bekerja beberapa tahun.

"Ada juga yang dibayar gaji untuk mengangkut dan memunggah barangan. Masalahnya terlalu ramai dan sudah pasti keadaan ini tidak selesa," katanya.

Pemerhatian juga mendapati warga asing ini berada di hampir semua lorong di kawasan itu menjadikannya seperti pasar antarabangsa.

Semalam, Harian Metro melaporkan warga asing kini menjadikan kawasan premis di luar Pasar Borong Kuala Lumpur sebagai tempat untuk mereka menjalankan perniagaan.

Ia selepas mereka tidak dibenarkan beroperasi di pasar berkenaan sejak dua tahun lalu.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Zon Batu, Gulam Muszaffar Ghulam Mustakim berkata, kerajaan digesa menggazetkan kawasan di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur sebagai zon bebas warga asing bagi menyelesaikan isu kebanjiran golongan itu yang tidak berkesudahan.

Katanya, langkah itu adalah perlu memandangkan pelbagai isu membabitkan warga asing sebelum ini sudah diadukan penduduk sekitar kepada pihak berkuasa berkaitan.

Menurutnya, bukan sahaja sesak, kawasan terbabit juga kotor dan tidak terurus selain berisiko menjadi punca penyebaran penyakit berjangkit jika tidak dikawal.

"Selain memperkenalkan akta supaya warga asing tidak dibenarkan bekerja di pasar borong, perlu ada keseragaman dan tindakan bersama daripada segi penguatkuasaan," katanya.

Beliau berkata, kebanjiran warga asing ini mengganggu kesejahteraan rakyat di kawasan terbabit dengan kawasan perumahan berdekatan juga dijadikan penempatan mereka.

"Kita bimbang daripada segi keselamatan terutama ketika musim pandemik ini. Sebelum ini kita tahu, warga asing juga ramai yang ingkar dengan pematuhan prosedur operasi standard Kementerian Kesihatan Malaysia, tinggal beramai-ramai dan macam-macam lagi.

"Jadi perlu kerjasama bersepadu untuk melihat isu ini selesai. Pasar borong perlu dibersihkan daripada isu-isu seperti ini yang sudah membelenggu rakyat tempatan dalam beberapa tahun ini dan pihak berwajib perlu ambil tindakan," katanya.

Gaya KEMBARA



KAWASAN taman awam ini terbahagi kepada tiga bahagian. Saujana Utara, Saujana Tengah dan Saujana Selatan yang masing-masing memiliki keistimewaan tersendiri.

# Suasana Eropah di Putrajaya

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI
gayautusan@mediamulia.com.my

TAMAN Saujana Hijau terletak di Presint 11, Putrajaya antara hutan tanah tinggi atau Hutan Konifer di Selangor.

Tumbuhan pine daripada spesies *gymnosperma* itu, biasanya hidup di Amerika Utara, Alaska, Semenanjung Skandinavia dan Rusia.

Maka tidak hairanlah bila pengunjung merasakan, berada di Taman Saujana Hijau, umpama menikmati keindahan bumi Eropah.

Taman awam dengan keluasan 117 ekar ini menjadi pilihan individu yang gemar beriadah, santai bersama keluarga dan teman-teman atau sekadar merakam gambar kenangan tanda pernah ke situ.

Keindahan itu turut menjadikan taman berkenaan sebagai lokasi merakam foto perkahwinan dan acara peribadi seperti sambutan hari jadi.

Sewaktu kunjungan *Utusan Malaysia* ke sana, kerja penyelenggaraan landskap sedang dilakukan. Kalau tidak, pasti lebih banyak lagi pokok bunga berwarna warni termasuk bunga matahari ceria menyambut kehadiran kami.

Tinjauan kami mendapati beberapa pasangan pengantin di lihat teruja merakam gambar dan video perkahwinan mereka berlatar belakangkan kehijauan taman dan rumpunan *gymnosperma*.



AQEELA Qairina Ahmad Khamis (kiri), bersama adiknya, Aleesya Qaireeen, mengambil gambar kenangan di Taman Saujana Hijau, Presint 11, Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Bagi peminat sukan dan riadah pula, laluan bercampur antara berbukit dan rata, memang bonus untuk mempercepatkan peluh keluar.

Tanpa perlu berlari, berjalan kaki pun sudah cukup melencunkan baju. Landskap memukau dan terjaga dengan baik itu mampu menghilangkan kepenatan walaupun sudah menjelajah beberapa kilometer kawasan taman.

**TUJUAN PENYELIDIKAN**

Pembinaan taman ini pada asalnya sebagai pusat penyelidikan, rujukan dan pembelajaran kumpulan tumbuhan *gymnosperma*, sejenis tumbuhan tanpa bunga yang menghasilkan kerucut dan biji.

Apabila ia dilengkapkan dengan kemudahan, mulalah ia menggamit kunjungan orang ramai.

> "Taman awam dengan keluasan 117 ekar ini menjadi pilihan individu yang gemar beriadah, santai bersama keluarga dan teman-teman..."

Keluasan taman terbahagi kepada tiga bahagian dikenali sebagai Saujana Utara seluas 11.35 ekar, Saujana Tengah terdiri daripada Bustan Inggeris, Bustan Oriental dan Bustan Eropah seluas 87.96 ekar serta Saujana Selatan melibatkan 11.96 ekar.

Melangkah kaki ke Bustan Inggeris, pengunjung disambut dengan pelbagai hiasan tumbuhan eksotik seperti sikas paku gajah, *mexican fern palm* dan *Zululand cycad*, malah terdapat juga pokok bunga semusim berwarna-warni dan gabungan pelbagai pokok pine.

Bersambung di muka 22

Dari muka 21

Lain pula landskapnya tatkala sampai ke Bustan Eropah, namun masih dengan kepelbagaian spesies tumbuhan sekali gus tidak rugi untuk bergambar.

Antara tumbuhan yang ada ialah pokok pine, kultivar juniper, thuja dan sikas.

Paling mengujakan dan dinanti-nantikan pengunjung adalah Bustan Oriental. Ia bukan sahaja memiliki keunikan landskap dan pokok, tetapi ia juga adalah puncak tertinggi yang menjadi kepuasan tatkala melakukan riadah terutama waktu pagi bagi yang gemar beraktiviti.

Setiap sudut boleh diabadikan kenangan dan atas faktor itu jugalah, ia sentiasa menjadi tempat kunjungan orang ramai.

Tabiat segelintir yang gemar menularkan lokasi indah ini laman sosial Facebook antara punca ia kian popular.

**PEMANDANGAN PUTRAJAYA**

Kalau ingin menyaksikan keindahan Putrajaya, bolehlah naik hingga ke bahagian puncaknya. Antara tumbuhan yang ada di sini ialah podo pucur atas, damar minyak dan buluh.



LALUAN beriadah yang berbukit dan tanah rata memudahkan tubuh membakar lemak.

> **"Tumbuhan pine daripada spesies gymnosperma itu, biasanya hidup di Amerika Utara, Alaska, Semenanjung Skandinavia dan Rusia."**



SIAPA yang tidak teruja untuk merakam gambar dan video kalau taman sarat dengan bunga yang memikat hati.




KIOS Buku untuk yang gemar bersantai sambil baca buku.

Kepelbagaian tanaman dan keindahan landskap membuatkan pengunjung tidak jemu ke sana.

Bagi yang pertama kali hadir pasti mahu datang berkali-kali lagi ke situ.

Biarpun saya datang berkunjung ke sini sewaktu matahari terik, saya tidak gusar panahan matahari. Pokok-pokok tinggi yang ada di situ, sudah cukup membuatkan banyak tempat redup. Saya masih boleh berehat sambil menenangkan fikiran walaupun jarum jam menunjukkan angka 12.

## 'Sanggup datang dari jauh'

SURIRUMAH, Nor Aishah Ariffin, 50, antara pengunjung tetap Taman Saujana Hijau. Katanya dia sanggup keluar rumah di Kota Warisan, Sepang bersama suami untuk beriadah waktu pagi setiap selang sehari.

Katanya laluan beriadah yang berbukit dan tanah rata memudahkan tubuhnya membakar lemak.

"Untuk orang yang mahu melakukan aktiviti sihat dan menurunkan berat badan, datanglah ke sini. Saya rasa teruja sewaktu turun dan naik ke puncak. Saya sangat suka dengan bau-bauan pokok dan tumbuhan di taman ini," katanya.



NOR AISHAH ARIFFIN

Kemudahan lengkap yang disediakan, sekali gus menjadikan ia lokasi pilihan Nor Aishah beriadah di situ.

"Saya tinggal di Putrajaya sebelum berpindah ke Kota Warisan. Kami tetap menjadi pengunjung setia di sini walaupun sudah berpindah ke tempat lain. Kami sanggup keluar rumah selepas subuh untuk memandu ke sini," katanya teruja.

Pengunjung, Nur Atiqah Razali, 25, yang menetap di Bandar Saujana Putra menjelaskan taman itu lokasi wajib dikunjunginya bersama rakan untuk beriadah pada hujung minggu dan bila ada masa terluang.

Katanya, pokok-pokok dan bunga di situ bagaikan menghidupkan harinya yang suram.

"Saya gembira ke sini. Di sini tidak sama seperti taman yang lain. Berada di taman ini seolah-olah berada di Eropah," katanya memberi reaksi.



StarMetro
THE STAR, FRIDAY 25 FEBRUARY 2022 Content: (03) 7967 1388 ext 1706/1323/1496 metro@thestar.com.my Advertising: (03) 7966 8388 Classified: (03) 7966 8200

**Selangor**
Fire and Rescue Department investigating cause of fire at 15 stalls in Pandamaran >4



**Johor**
52-year-old man turns discarded plastic bottles into items with new look and purpose >6



**Penang**
International Women's Day campaign encourages men and women to break the bias >8

# Bridging accessibility gap

Petaling Jaya City Council is taking the lead in providing more parking bays and ramps for people with disabilities in Selangor, especially SS2, to make it easier for them to move about without hindrance. >2&3



**Definite no-no:** DBKL enforcement officers (left) issuing a summons to an offender caught smoking in a no-smoking area in Kuala Lumpur.

# 15 summonses issued to smokers along KL walkways

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

IF YOU light up a cigarette on a pedestrian sidewalk in Kuala Lumpur, beware, as you will end up paying a RM250 compound.

The Tobacco Products Control Regulation (PPKHT) 2004 has provided for the prohibition of smoking in areas gazetted by the Health Ministry (MOH).

Under Rule 22, all covered pedestrian areas throughout Kuala Lumpur have been gazetted as no-smoking areas since 2017.

The gazetting under Regulation 22 of PPKHT is an initiative by Kuala Lumpur City Hall (DBKL), under the Local Agenda 21 (LA21) programme.

Yesterday, a joint operation by DBKL, MOH, Kuala Lumpur and Putrajaya Health Department (JKWPKL), and NGOs from the Kuala Lumpur Smoke-Free (KLBAR) initiative saw 15 summonses issued to those caught smoking on the sidewalks.

Total compounds issued amounted to RM3,750.

The operation was to ensure compliance with the smoking ban and the focus was on all covered walkways in Kuala Lumpur.

The joint enforcement was carried out at pedestrian walkways in four areas – Jalan Merpati (behind Quality Hotel), Jalan Sultan Ismail (from the Sultan Ismail LRT station to Maju Junction and Medan Tuanku monorail stations), Jalan Pahang (facing Kuala Lumpur Hospital to Chow Kit monorail station), and Jalan Putra (linking World Trade Centre Kuala Lumpur to Sunway Putra Mall to PWTC LRT station).

DBKL Health and Environment Department public health division deputy director Dr Nor Halizam Ismail said during the operation, KLBAR also conducted health awareness for smokers via the distribution of information related to the mQuit Smoking Cessation Service through jomquit.com.

"Enforcement will be carried out at 156 covered walkways involving 50 members from DBKL, JKWPKL, Health Ministry and NGOs from KLBAR.

"A total of 250 non-smoking awareness educational pamphlets were given to people of various age groups.

"Distribution of smoking cessation information through jomquit.com and information related to the complaints line operated by MOH were also distributed," she said.

She added that DBKL would continue working with MOH and seriously tackle the problem of smoking in Kuala Lumpur.

On Feb 17, Health Minister Khairy Jamaluddin reiterated the government's plan to introduce a new law to ban smoking and the possession of tobacco products, including vape, for people born after 2005 as an endgame for smoking in the country.

Asked about action on eateries that provided ashtrays to customers sitting at tables on the sidewalk, Dr Nor Halizam said DBKL would continue to inform operators on the no-smoking rule.

"Some of them are unaware, so we will conduct community engagements with them.

"Some are not aware that pedestrian bridges here have been gazetted as no-smoking areas.

"The public is reminded to continue to ensure that these rules are always adhered to," she said, adding that joint operations at the pedestrian bridges have been carried out since 2019.

"We needed to instal the no-smoking signage as well as inform the private companies and concessionaires involved, because not all pedestrian bridges in Kuala Lumpur are under DBKL," she said.

Complaints related to smoking in public places can also be channelled through WhatsApp at 010-860 8949 operated by MOH.

For smokers who want to quit smoking, visit www.jomquit.com